



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 70  
No. 20

**6hb Oktober 2017**

*TAMBAHAN No. 3*  
*ENAKMEN*


---

---

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, adalah diterbitkan menurut Fasal (4) Perkara 34 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang:

The following Enactment, passed by the Pahang State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Sultan of Pahang, is published pursuant to Clause (4) of Article 34 of the Second Part of the Laws of the Constitution of Pahang:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen 16	Enakmen Wasiat Orang Islam 2017
Enactment 16	Muslim Wills Enactment 2017



# **UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG**

## **Enakmen 16**

**ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM 2017**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	11 September 2017
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	6 Oktober 2017

# ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM 2017

---

## SUSUNAN SEKSYEN

---

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran

### BAHAGIAN II

#### PEWUJUDAN WASIAT

3. Wasiat boleh dibuat dengan lisan, tulisan atau isyarat
4. Kelayakan *musi*
5. Wasiat bersyarat
6. Pindaan wasiat
7. Bukti wasiat
8. Kelayakan *wasi*
9. Syarat *musolahu*
10. Syarat harta yang diwasiatkan
11. Cara pewasiatan
12. Wasiat kepada tempat ibadat dan badan kebajikan
13. Penyelesaian tanggungan sebelum pelaksanaan wasiat

### BAHAGIAN III

#### WASIAT TERBATAL DAN WASIAT TERHALANG

14. Wasiat terbatal
15. Wasiat terhalang

## BAHAGIAN IV

## PENARIKAN BALIK WASIAT

Seksyen

16. Perbuatan yang boleh dianggap sebagai menarik balik wasiat
17. Perbuatan yang tidak boleh dianggap sebagai menarik balik wasiat

## BAHAGIAN V

## PENERIMAAN DAN PENOLAKAN WASIAT

18. Penerimaan dan penolakan wasiat
19. Penerimaan dan penolakan oleh penjaga
20. Penerimaan dan penolakan oleh badan korporat
21. Tempoh penerimaan dan penolakan wasiat
22. Penerimaan sebahagian daripada wasiat
23. Penolakan sebelum dan selepas *musi* mati
24. Hak *musolahu* ke atas harta yang diwasiatkan

## BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN *MUSOLAHU*

25. Wasiat kepada *musolahu* yang belum wujud
26. Wasiat kepada pihak tertentu
27. Wasiat kepada anak dalam kandungan
28. Anak dalam kandungan yang dilahirkan lebih daripada seorang

## BAHAGIAN VII

## PERUNTUKAN YANG BERHUBUNG DENGAN PEMBERIAN BERWASIAT

29. Wasiat kepada waris dan bukan waris

## BAHAGIAN VIII

## WASIAT WAJIBAH

30. Wasiat *wajibah*

BAHAGIAN IX

AM

Seksyen

31. Hukum Syarak
32. Kuasa membuat kaedah-kaedah

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA



**UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG****Enakmen 16****ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM 2017**

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

TENGGU MAHKOTA TENGGU ABDULLAH  
AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Pemangku Raja Pahang*

11 September 2017

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi wasiat orang Islam dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan pemakaian**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Wasiat Orang Islam 2017.

(2) Enakmen ini hendaklah terpakai bagi Negeri Pahang.



**Tafsiran**

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen Pentadbiran” ertinya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*];

“dilahirkan hidup” ertinya seseorang yang dilahirkan hidup menurut Hukum Syarak;

“Hakim” ertinya Hakim Mahkamah Tinggi Syariah;

“harta” termasuklah—

(a) harta alih atau harta tak alih dan hak dalam harta intelek;

(b) apa-apa manfaat, keuntungan atau kepentingan dalam apa-apa harta alih atau harta tak alih dan harta intelek;

(c) apa-apa hak, kepentingan atau hakmilik yang sempurna; dan

(d) kepakaran atau perkhidmatan,

yang mempunyai nilai menurut Hukum Syarak;

“harta pusaka” ertinya semua harta peninggalan simati;

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, atau Hanbali;

“*iqrar*” ertinya suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 42 Enakmen Pentadbiran;

“*marad al-maut*” ertinya sesuatu penyakit yang dideritai secara berterusan oleh *musi* dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun yang menyebabkan kematiannya;

“*musi*” ertinya pewasiat atau orang yang memberi wasiat;

“*musolahu*” ertinya orang yang menerima apa-apa harta wasiat;

“orang” termasuklah kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“orang sempurna akal” ertinya mana-mana orang yang mampu memahami dan membentuk pertimbangan secara rasional terhadap kesan dan kepentingannya serta mampu membelanjakan harta dan wangnya;

“orang tak sempurna akal” ertinya mana-mana orang, bukan kanak-kanak, yang merupakan seorang yang celaru mental, tidak berupaya untuk mengawal fikirannya atau menguruskan hal ehwal dirinya;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah;

“penjaga” ertinya seseorang yang berhak bertindak sebagai penjaga harta bagi kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas tahun atau orang tak sempurna akal dan termasuklah seseorang yang dilantik sebagai penjaga oleh Hakim;

“*qarinah*” ertinya sesuatu fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2005 [*Enakmen No. 4 tahun 2005*];

“*uruf*” ertinya adat atau amalan yang diiktiraf oleh masyarakat Islam atau golongan orang tertentu sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan;

“waris” ertinya seseorang yang berhak mewarisi harta pusaka menurut Hukum Syarak;

“*wasi*” ertinya seseorang yang kepadanya diamanahkan pelaksanaan sesuatu wasiat dan termasuklah seseorang yang dilantik menjadi *wasi* oleh Hakim;

“wasiat” ertinya *iqrar* seseorang yang dibuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat daripada hartanya untuk disempurnakan selepas kematiannya.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Enakmen ini dan tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Bahagian I Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*], hendaklah mempunyai erti yang masing-masing diberikan kepadanya dalam Bahagian itu setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang atau pentafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

## BAHAGIAN II

### PEWUJUDAN WASIAT

#### **Wasiat boleh dibuat dengan lisan, tulisan atau isyarat**

3. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat secara lisan atau tulisan; dan jika *musi* itu tidak dapat melakukan sedemikian, wasiatnya bolehlah dibuat secara isyarat yang boleh difahami.

(2) Sesuatu wasiat yang dibuat secara lisan, tulisan atau isyarat hendaklah dibuat di hadapan dua orang saksi atau lebih yang boleh diterima menurut Hukum Syarak.

(3) Wasiat di bawah subseksyen (1) boleh dibuat bagi tempoh tertentu atau untuk selama-lamanya.

(4) Sesuatu wasiat bertulis boleh dibuat mengikut Borang A yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

**Kelayakan *musi***

4. (1) *Musi* hendaklah seorang yang—

- (a) telah mencapai umur lapan belas tahun;
- (b) sempurna akal;
- (c) bertindak dengan sukarela dan tidak dipaksa; dan
- (d) tidak dihalang daripada mengurus hartanya.

(2) Jika seseorang *musi* dalam keadaan sakit, dia hendaklah—

- (a) waras fikirannya;
- (b) baik ingatannya; dan
- (c) memahami akibat tindakannya,

semasa wasiat itu dibuat.

(3) Jika *musi* dalam keadaan *marad al-maut*, dia hendaklah—

- (a) waras fikiran; dan
- (b) memahami akibat tindakannya,

semasa wasiat itu dibuat.

**Wasiat bersyarat**

5. (1) *Musi* boleh membuat apa-apa wasiat secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat.

(2) Sesuatu wasiat yang tertakluk kepada apa-apa syarat termasuk syarat yang menentukan cara bagaimana harta wasiat itu akan digunakan adalah sah jika syarat itu tidak bertentangan dengan Hukum Syarak.

**Pindaan wasiat**

6. (1) *Musi* boleh meminda sesuatu wasiat dengan menambah, mengurang atau mengganti harta yang diwasiatkan, *musolahu* yang dinamakan atau syarat-syarat yang dinyatakan di dalam wasiat.

(2) Jika bilangan *musolahu* lebih daripada seorang dan kadar pembahagian tidak ditentukan oleh *musi* di bawah subseksyen (1), semua *musolahu* itu hendaklah berkongsi kadar sama rata pembahagian harta yang diwasiatkan itu.

**Bukti wasiat**

7. (1) Tiada apa-apa pembuktian atau keterangan berhubung dengan pindaan atau pembatalan sesuatu wasiat bertulis selepas *musi* mati boleh diterima oleh Mahkamah melainkan jika disokong oleh dokumen yang ditulis atau ditandatangani oleh *musi*.

(2) Jika terdapat halangan bagi pengemukaan keterangan dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), keterangan tentang pindaan atau pembatalan sesuatu wasiat itu bolehlah dibuktikan melalui keterangan dua orang saksi atau lebih yang boleh diterima menurut Hukum Syarak.

(3) Sesuatu wasiat yang dibuat secara lisan atau isyarat hendaklah dibuktikan melalui keterangan dua orang saksi atau lebih yang boleh diterima menurut Hukum Syarak.

**Kelayakan wasi**

8. *Wasi* hendaklah seorang yang—

- (a) beragama Islam;
- (b) adil;
- (c) telah mencapai umur lapan belas tahun;
- (d) sempurna akal; dan
- (e) mempunyai keupayaan mengurus hartanya.

**Syarat *musolahu***

9. *Musolahu* hendaklah orang yang—

- (a) wujud dan diketahui dengan jelas;
- (b) mempunyai kelayakan untuk memiliki harta yang diwasiatkan menurut mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) boleh menerima harta yang diwasiatkan menurut Hukum Syarak; dan
- (d) jika ditentukan, hendaklah wujud semasa wasiat itu dibuat dan jika tidak ditentukan, *musolahu* tidak perlu wujud sama ada semasa wasiat itu dibuat atau semasa *musi* mati.

**Syarat harta yang diwasiatkan**

10. Sesuatu harta yang diwasiatkan hendaklah—

- (a) jika ditentukan, wujud dan dimiliki dengan sempurna oleh *musi*;
- (b) jika tidak ditentukan, harta itu akan dimiliki oleh *musi*; dan
- (c) bukan harta yang haram tetapi yang diharuskan oleh Hukum Syarak.

**Cara pewasiatan**

11. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat dengan—

- (a) memberi harta atau apa-apa bahagian daripada harta yang akan diperolehi melalui harta pusaka kepada *musolahu*; atau
- (b) memberi pinjaman kepada *musolahu* apa-apa bahagian daripada harta,

(2) Wasiat yang disebut dalam subseksyen (1) tidak boleh melebihi satu pertiga daripada harta *musi* kecuali dengan kebenaran semua waris.

(3) Tertakluk kepada subseksyen 29(2), jika mana-mana daripada waris telah ditentukan sesuatu bahagian dan bahagian itu melebihi daripada kadar yang dia akan berhak ke atas harta pusaka itu, maka bahagian yang lebih itu hendaklah dianggap sebagai wasiat.

### **Wasiat kepada tempat ibadat dan badan kebajikan**

**12.** Sesuatu wasiat boleh dibuat kepada tempat ibadat, institusi kebajikan atau mana-mana orang, yang bermanfaat untuk maksud kebajikan umum mengikut Hukum Syarak dan jika wasiat itu tidak menentukan cara penggunaannya, wasiat itu hendaklah digunakan untuk apa-apa maksud kebajikan umum.

### **Penyelesaian tanggungan sebelum pelaksanaan wasiat**

**13.** Sesuatu wasiat hendaklah dilaksanakan selepas ditunaikan segala tanggungan *musi* mengikut keutamaan yang berikut:

- (a) perbelanjaan bagi pengkebumian *musi*;
- (b) pelunasan hutang *musi*; dan
- (c) perbelanjaan bagi penyempurnaan ibadah khusus *musi* yang belum selesai termasuklah zakat dan *badal* haji.

## **BAHAGIAN III**

### **WASIAT TERBATAL DAN TERHALANG**

#### **Wasiat terbatal**

**14.** Sesuatu wasiat adalah terbatal jika—

- (a) *musi* menarik balik wasiatnya;

- (b) *musolahu* mati sebelum *musi*;
- (c) *musi* hilang kelayakan mengikut subseksyen 4(1); atau
- (d) *musolahu* tidak memenuhi syarat-syarat penerimaan wasiat.

### **Wasiat terhalang**

**15.** *Musolahu* yang membunuh atau bersubahat membunuh *musi* atau menjadi saksi palsu yang keterangannya menyebabkan *musi* dihukum bunuh dan hukuman tersebut dilaksanakan, maka *musolahu* adalah terhalang dan tidak berhak menerima bahagiannya di dalam wasiat itu.

## BAHAGIAN IV

### PENARIKAN BALIK WASIAT

#### **Perbuatan yang boleh dianggap menarik balik wasiat**

**16.** Seseorang *musi* boleh dianggap menarik balik keseluruhan atau sebahagian wasiatnya secara nyata atau tersirat jika dia—

- (a) melakukan apa-apa perbuatan atau menimbulkan keterangan mengikut keadaan yang menunjukkan melalui *qarinah* atau *uruf* bahawa dia telah menarik balik wasiatnya; atau
- (b) telah melupuskan semua hartanya.

#### **Perbuatan yang tidak boleh dianggap menarik balik wasiat**

**17.** *Musi* tidak boleh dianggap menarik balik wasiatnya jika dia telah—

- (a) mengubah suai sifat harta yang diwasiatkan; atau
- (b) membuat apa-apa penambahan ke atas harta yang diwasiatkan di mana harta itu tidak dapat diberikan kepada *musolahu* melainkan jika bersama-sama dengan penambahan itu.



## BAHAGIAN V

## PENERIMAAN DAN PENOLAKAN WASIAT

**Penerimaan dan penolakan wasiat**

**18.** (1) Sesuatu wasiat boleh dilaksanakan apabila ia diterima secara nyata atau tersirat oleh *musolahu* selepas kematian *musi*.

(2) Penolakan sesuatu wasiat boleh dibuat secara nyata atau tersirat oleh *musolahu* selepas kematian *musi*.

(3) Jika *musolahu* mati sebelum menerima atau menolak wasiat itu, warisnya hendaklah menentukan sama ada menerima atau menolak wasiat itu.

**Penerimaan dan penolakan oleh penjaga**

**19.** Penerimaan atau penolakan wasiat hendaklah dibuat oleh penjaga jika *musolahu* ialah—

- (a) seorang kanak-kanak yang belum mencapai umur lapan belas tahun;
- (b) orang yang disekat daripada mengurus hartanya; atau
- (c) anak yang belum lahir dengan syarat dia dilahirkan hidup.

**Penerimaan dan penolakan oleh badan korporat**

**20.** Jika *musolahu* itu ialah—

- (a) badan korporat, penerimaan atau penolakannya hendaklah dibuat oleh wakil sah badan korporat itu; atau
- (b) kumpulan orang yang tidak diperbadankan, penerimaan wasiat tidak diperlukan dan wasiat itu hendaklah diserahkan kepada tidak kurang daripada 3 orang di kalangan mereka sebagai pemegang amanah untuk diuruskan bagi maksud wasiat itu.

### **Tempoh penerimaan dan penolakan wasiat**

**21.** (1) Penerimaan atau penolakan wasiat bolehlah dibuat dalam tempoh tiga puluh hari selepas *musolahu* mengetahui kematian *musi* dan kewujudan wasiat tersebut.

Dengan syarat *musolahu* boleh menerima atau menolak wasiat itu melebihi daripada tempoh di atas jika dia mempunyai justifikasi munasabah yang melambatnya untuk berbuat demikian.

(2) Jika tiada penerimaan atau penolakan dibuat oleh *musolahu* dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1), mana-mana waris *musi* hendaklah membuat permohonan kepada Pendaftar untuk mendapatkan suatu perintah bagi mengarahkan *musolahu* menyatakan penerimaan atau penolakannya bagi wasiat itu.

(3) Penerimaan atau penolakan sesuatu wasiat bolehlah dibuat mengikut Borang B sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

### **Penerimaan sebahagian daripada wasiat**

**22.** (1) Jika *musolahu* menerima sebahagian daripada wasiat dan menolak sebahagian yang lain, maka wasiat bagi bahagian yang ditolak adalah terbatal.

(2) Jika sebahagian daripada *musolahu* menerima wasiat dan sebahagian yang lain menolaknya, wasiat bagi bahagian *musolahu* yang menolak adalah terbatal.

### **Penolakan sebelum dan selepas *musi* mati**

**23.** (1) Sesuatu wasiat tidak terbatal jika *musolahu* menolak wasiat itu sebelum kematian *musi*.

(2) Apabila *musolahu* menolak sebahagian daripada wasiat selepas *musi* mati tetapi *musolahu* belum menerima harta itu secara fizikalnya, maka wasiat terbatal setakat bahagian yang ditolak itu.

(3) Apabila *musolahu* menolak keseluruhan atau sebahagian daripada wasiat selepas *musi* mati dan *musolahu* telah menerima harta itu secara fizikalnya, maka penolakan itu adalah tidak sah melainkan salah seorang waris bersetuju dengan penolakan itu.

### **Hak *musolahu* ke atas harta yang diwasiatkan**

**24.** (1) Jika *musolahu* wujud ketika kematian *musi*, maka dia adalah berhak terhadap harta yang diwasiatkan itu dari masa kematian itu, melainkan suatu masa telah ditetapkan dalam wasiat itu.

(2) *Musolahu* adalah berhak ke atas semua keuntungan dan penambahan ke atas harta yang diwasiatkan dari tarikh dia berhak sehingga tarikh harta itu diterimanya; dan semua keuntungan dan penambahan ke atas harta itu dari tarikh dia berhak tidak boleh dianggap sebahagian daripada wasiat itu dan apa-apa perbelanjaan yang dibelanjakan dalam tempoh demikian hendaklah ditanggung oleh *musolahu*.

## BAHAGIAN VI

### PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN *MUSOLAHU*

#### **Wasiat kepada *musolahu* yang belum wujud**

**25.** (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat kepada *musolahu* yang belum wujud atau kepada sekumpulan *musolahu* yang sebahagiannya telah wujud dan yang sebahagiannya belum wujud.

(2) Jika *musolahu* yang disebut dalam subseksyen (1) tidak wujud ketika *musi* mati, harta yang diwasiatkan hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka *musi*.

(3) Jika terdapat seorang sahaja *musolahu* ketika atau selepas kematian *musi*, maka *musolahu* adalah berhak kepada bahagiannya dalam harta yang diwasiatkan sehingga wujud *musolahu* yang lain; dan dalam hal keadaan demikian harta itu hendaklah dibahagikan mengikut bahagian yang ditentukan dalam wasiat atau jika bahagiannya tidak ditentukan, maka harta itu hendaklah dibahagikan sama rata di kalangan mereka dan jika salah seorang daripada mereka mati, bahagiannya menjadi harta pusakanya.

(4) Jika seorang *musolahu* sahaja wujud pada masa kematian *musi*, dia hendaklah berhak kepada semua harta itu kecuali jika ada keterangan yang menunjukkan bahawa *musi* berhasrat untuk memberi harta yang diwasiatkan kepada beberapa orang *musolahu*, dan dalam hal keadaan sedemikian, *musolahu* yang wujud itu adalah berhak kepada bahagiannya sahaja dan jika dibuktikan bahawa tiada *musolahu* lain yang wujud, maka bakinya hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka *musi*.

### **Wasiat kepada orang tertentu**

**26.** (1) Tertakluk kepada seksyen 25, jika sesuatu wasiat dibuat kepada kumpulan orang secara umum tanpa menyebut nama mereka, dan sebahagian daripada mereka hilang kelayakan untuk menerima wasiat ketika kematian *musi*, maka bahagian mereka yang hilang kelayakan itu hendaklah dibahagikan sama rata di kalangan *musolahu* yang layak menerima wasiat sahaja.

(2) Apabila wasiat dibuat untuk dikongsi bersama di antara orang tertentu dengan kumpulan orang atau pihak tertentu atau di kalangan mereka semua, maka orang, kumpulan orang atau pihak tertentu itu adalah berhak menerima harta mengikut bahagian mereka masing-masing.

(3) Jika sesuatu wasiat bagi mana-mana orang atau orang yang ditentukan terbatal, maka harta yang diwasiatkan itu hendaklah menjadi harta pusaka *musi*.

**Wasiat kepada anak belum lahir**

**27.** (1) Sesuatu wasiat yang dibuat kepada anak belum lahir adalah sah—

- (a) jika *musi* membuat *iqrar* bahawa wujudnya anak belum lahir ketika wasiat itu dibuat dan anak itu dilahirkan hidup dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak; atau
- (b) jika *musi* tidak membuat *iqrar* wujudnya anak belum lahir, maka anak yang dilahirkan hidup semasa ibu kanak-kanak itu masih dalam perkahwinan atau dalam ‘iddah talaq raj’i atau ‘iddah apabila kematian suaminya atau ‘iddah bain dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak dari masa wasiat itu dibuat.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), wasiat boleh dibuat kepada anak yang belum lahir milik orang lain dengan syarat anak belum lahir itu adalah anak yang sah menurut Hukum Syarak.

(3) Bahagian harta yang diwasiatkan milik anak belum lahir hendaklah ditadbir oleh penjaga atau *wasinya* sehingga dia dilahirkan hidup dan hendaklah diberikan kepadanya apabila dia mempunyai kelayakan untuk menerimanya.

**Kelahiran anak lebih daripada seorang**

**28.** (1) Jika lebih daripada seorang anak belum lahir yang dilahirkan hidup sama ada semasa atau dalam masa enam bulan dari wasiat dibuat, harta yang diwasiatkan itu hendaklah dibahagikan sama banyak di kalangan mereka kecuali jika wasiat itu memperuntukkan selainnya.

(2) Jika salah seorang anak dalam kandungan dilahirkan mati, anak lain yang dilahirkan hidup hendaklah berhak ke atas semua harta yang diwasiatkan kecuali jika wasiat itu memperuntukkan selainnya.

(3) Jika salah seorang anak belum lahir mati selepas ia dilahirkan hidup, bahagiannya dalam harta yang diwasiatkan itu hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusakanya tetapi jika wasiat itu adalah untuk manfaat sahaja, maka bahagian hendaklah kembali dan menjadi sebahagian daripada harta pusaka *musi*.

## BAHAGIAN VII

### PERUNTUKAN YANG BERHUBUNG DENGAN PEMBERIAN BERWASIAT

#### **Wasiat kepada waris dan bukan waris**

**29.** (1) Sesuatu wasiat yang dibuat kepada waris *musi* adalah sah jika semua waris *musi* yang berhak, selepas kematian *musi*, bersetuju agar wasiat itu diberikan kepada waris itu.

(2) Sesuatu wasiat yang dibuat kepada seseorang yang bukan waris *musi* hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada harta *musi* kecuali dengan persetujuan semua waris yang berhak kepada wasiat itu selepas kematian *musi*.

## BAHAGIAN VIII

### WASIAT WAJIBAH

#### **Wasiat wajibah**

**30.** (1) Seseorang cucu berhak menerima wasiat *wajibah* iaitu dengan mengambil bahagian faraid ibu atau bapanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang telah meninggal dunia pada kadar tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau neneknya sekiranya—

(a) masa kematian ibu atau bapanya itu lebih awal daripada masa kematian datuk atau neneknya; atau

(b) masa kematian ibu atau bapanya itu serentak dengan masa kematian datuk atau neneknya.

(2) Jika seseorang cucu di subseksyen (1) menerima wasiat *wajibah* lebih daripada satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau neneknya, maka jumlah bahagian yang diterima itu hendaklah, melainkan dipersetujui oleh semua waris yang berhak menerima pusaka datuk atau neneknya, dikurangkan agar tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau neneknya.

(3) Seseorang cucu itu tidak berhak kepada wasiat *wajibah* sekiranya—

- (a) datuk atau neneknya telah, semasa hayatnya dan tanpa apa-apa balasan, membuat wasiat kepada cucu itu atau memberi harta kepada cucu itu yang jumlah keseluruhan bahagiannya bersamaan dengan apa yang sepatutnya dia terima menurut wasiat *wajibah*;
- (b) dia menganut agama yang berlainan daripada ibu atau bapanya;
- (c) dia terlibat dalam pembunuhan ibu atau bapanya;
- (d) dia bersubahat dalam pembunuhan ibu atau bapanya; atau
- (e) dia ialah saksi palsu yang keterangannya menyebabkan ibu atau bapanya dihukum bunuh.

(4) Jika seseorang cucu telah menerima wasiat atau harta di bawah perenggan (3)(a) dan jumlah keseluruhan bahagian yang diterima itu kurang daripada satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau neneknya, maka dia berhak agar bahagian itu ditambah sehingga satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau neneknya.

(5) Sekiranya terdapat lebih daripada seorang cucu yang terdiri daripada cucu lelaki dan perempuan, maka pembahagian keseluruhan wasiat *wajibah* itu hendaklah dibuat masing-masing pada kadar dua nisbah satu.

(6) Seseorang cucu hanya layak menerima sesuatu wasiat *wajibah* selepas keseluruhan harta pusaka datuk atau neneknya itu digunakan bagi tujuan yang berikut:

- (a) penyempurnaan wasiat datuk atau neneknya;
- (b) perbelanjaan bagi pengkebumian jenazah datuk atau neneknya;
- (c) pelunasan hutang datuk atau neneknya;
- (d) perbelanjaan bagi penyempurnaan ibadah khusus datuk atau neneknya yang belum selesai termasuklah zakat dan *badal* haji; dan
- (e) penyempurnaan faraid datuk atau neneknya.

## BAHAGIAN IX

### AM

#### **Hukum Syarak**

**31.** (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang tak konsisten dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat yang ia tak konsisten itu.

(2) Jika terdapat apa-apa lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, Mahkamah hendaklah merujuk kepada Hukum Syarak.

#### **Kuasa membuat kaedah-kaedah**

**32.** Kebawah Duli Yang Maha Sultan, atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini.



## JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 2(3)]

<i>'iddah</i>	-	عدة
<i>'iddah bain</i>	-	عدة بائن
<i>Hukum Syarak</i>	-	حكوم شرع
<i>iqrar</i>	-	اقرار
<i>marad-al-maut</i>	-	مرض الموت
<i>musi</i>	-	موصي
<i>musolahu</i>	-	موصى له
<i>qarinah</i>	-	قرينه
<i>talaq raj'i</i>	-	طلاق رجعي
<i>uruf</i>	-	عرف
<i>waris</i>	-	وارث
<i>wasi</i>	-	وصى
<i>wasiat</i>	-	وصية

JADUAL KEDUA

BORANG A

[Subseksyen 3(4)]

WASIAT BERTULIS

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani)

Saya.....  
 No. KP..... *Musi* yang beralamat  
 di .....  
 bahawa saya dalam keadaan waras fikiran, dengan rela hati, tanpa paksaan  
 dan pengaruh tak wajar, dengan disaksikan oleh saksi-saksi yang  
 bertandatangan di bawah yang menyaksikan bahawa saya berada di dalam  
 keadaan sihat dan waras fikiran yang membolehkan saya memahami  
 sifat wasiat dan tanggungjawab yang berbangkit selepasnya, dengan ini  
 mewasiatkan kepada.....  
 No. KP..... hubungan dengan *musi* .....harta  
 yang berikut:

Harta Tak Alih			
Perihal dan No. Hak milik	No. Lot/Petak/ PT	Bandar/Kampung/ Mukim dan Daerah	Bahagian

(Jika ruang tidak mencukupi, sila lampirkan dan tandatangan lampiran itu)

Harta Alih (cth: wang tunai, akaun bank, bon, dsb.)

(Jika ruang tidak mencukupi, sila lampirkan dan tandatangan lampiran itu)

manakala baki daripada harta itu dibahagikan di antara waris-waris saya mengikut Hukum Syarak secara faraid.

Tandatangan *Musi*:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

Tarikh:

Tandatangan Saksi Pertama:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

Tarikh:

Tandatangan Saksi Kedua:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

Tarikh:

---

\* Borang ini hanya terpakai bagi mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas

BORANG B

[Subseksyen 21(3)]

SETUJU/TOLAK WASIAT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani)

Saya.....  
 No. KP.....*Musolahu* yang beralamat  
 di .....  
 .....dengan sesungguhnya mengaku  
 bahawa si mati (*Musi*) .....  
 No. KP.....hubungan dengan *Musi* .....  
 telah mewasiatkan harta yang berikut:

Harta Tak Alih			
Perihal dan No. Hakmilik	No. Lot/Petak/ PT	Bandar/Kampung/ Mukim dan Daerah	Bahagian

(Jika ruang tidak mencukupi, sila lampirkan dan tandatangan lampiran itu)

Harta Alih (cth: wang tunai, akaun bank, bon, dsb.)

*(Jika ruang tidak mencukupi, sila lampirkan dan tandatangan lampiran itu)*

2. Saya ialah orang yang mempunyai kepentingan terhadap harta yang diwasiatkan oleh si mati (*Musi*) dan bersetuju \*menerima/menolak harta wasiat itu.

3. Saya dengan ini mengakui bahawa pernyataan di atas adalah benar dan faham sepenuhnya kesan persetujuan yang saya berikan.

.....  
(Tandatangan *Musolahu*)

Di hadapan saya,


Tarikh:

.....  
(Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah)

\*Potong mana yang tidak berkenaan

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada  
25 November 2016.  
[PUN.Phg.D/100/26/6]

SYED AHMAD KHIRULANWAR  
ALYAHYA BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha Dewan Negeri,  
Pahang*



# **LAWS OF THE STATE OF PAHANG**

## **Enactment 16**

**MUSLIM WILLS ENACTMENT 2017**

Date of Royal Assent	...	...	11 September 2017
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	6 October 2017

# MUSLIM WILLS ENACTMENT 2017

---

## ARRANGEMENT OF SECTIONS

---

### PART I

#### PRELIMINARY

#### Section

1. Short title and application
2. Interpretation

### PART II

#### FORMATION OF A WILL

3. Will may be made orally, in writing or by gesture
4. Competency of a *musi*
5. Conditional will
6. Amendment of a will
7. Proof of a will
8. Competency of a *wasi*
9. Conditions of a *musolahu*
10. Conditions of the bequeathed property
11. Mode of a will
12. Will to places of worship and charitable institutions
